

R B641 DEB
MAHATHIR - BANK

KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI BANK-BANK TEMPATAN SUPAYA JANGAN TERBURU-BURU BERTINDAK TERHADAP PARA PEMINJAM TERUTAMA BUMIPUTERA SEMATA-MATA KERANA KEJATUHAN NILAI CAGARAN MEREKA AKIBAT KEADAAN EKONOMI MELESET SEKARANG.

KATANYA, ADALAH TIDAK ADIL BAGI BANK BERBUAT DEMIKIAN KERANA KEJATUHAN HARGA CAGARAN SEPERTI TANAH ATAU SAHAM BUKANLAH KESALAHAN MEREKA.

KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA (DPPMM) DI SINI MALAM INI, PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA TINDAKAN ITU DIAMBIL PARA PENIAGA DAN PENGUSAHA SUDAH PASTI MENGALAMI MASALAH DAN MUNGKIN BANKRAP.

JIKA SEBILANGAN BESAR PENIAGA DAN PENGUSAHA BANKRAP, BUKAN SAHAJA BANK AKAN MENGALAMI KERUGIAN TETAPI USAHA MEMULIHKAN EKONOMI SERTA MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU MUNGKIN TURUT TERJEJAS.

BELIAU MENGGESA PIHAK BANK BERSABAR DAN BERHARAP HARGA CAGARAN AKAN PULIH DENGAN PEMULIHAN EKONOMI. -- LAGI
0023MST 18 07 87

R B642 DEB
MAHAHTIR - BANK 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI KESAL KERANA ADA BANK YANG BERPENDAPAT BAHAWA PERKARA DEMIKIAN TIDAK BOLEH DILAKUKAN KERANA IA BERCANGGAH DENGAN PRINSIP BANK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA BOLEH DILAKUKAN KERANA PRINSIP ITU DIBUAT OLEH MANUSIA SENDIRI.

YANG PENTING, KATANYA, IALAH USAHA MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA DAN APABILA EKONOMI PULIH MUNGKIN HARGA CAGARAN OLEH PEMINJAM MENINGKAT LEBIH DARIPADA PINJAMAN YANG MEREKA BUAT.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHTHIR TURUT BERSIMPATI DENGAN PIHAK BANK KERANA ADA PEMINJAM YANG MAMPU MEMBAYAR BALIK KEPADA BANK TETAPI TIDAK MAHU BERBUAT DEMIKIAN.

PARA PEMINJAM PERLU MEMBAYAR BALIK PINJAMANNYA KERANA WANG PUSINGAN BANK ITU MERUPAKAN WANG ORANG RAMAI, TAMBAHNYA. -- LAGI
0041MST 18 07 87

R B643 DEB
MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERSIMPATI DENGAN PEMINJAM YANG MELAKUKAN JENAYAH ATAU PEYELEWENGAN MALAH AKAN MEMINTA BANK BERKENAAN MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP MEREKA.

KATANYA, PIHAK BANK DAN PARA PEMINJAM HARUSLAH BERUSAHA DAN SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB BAGI MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR MAHAHTIR JUGA KESAL KERANA ADA USAHAWAN MELAYU YANG BERKEDUDUKAN TINGGI TETAPI MELUPAI JASA YANG DIBUAT OLEH UMNO SELAMA INI.

+SETELAH MENCAPAI KEJAYAAN DAN KEMEWAHAN, MEREKA MULAI LUPA ASAL USUL SENDIRI,+ TAMBAHNYA SAMBIL MENYATAKAN KEGEMBIRAANNYA TERHADAP KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH SESETENGAH USAHAWAN BUMIPUTERA. -- BERNAMA
0052MST 18 07 87